

Sesi persekolahan 2026 kembali Januari selepas hampir empat tahun kalendar akademik sekolah dimulakan pada Mac susulan pandemik Covid-19.

Ia memberi kesan kepada mutu pendidikan Malaysia melalui perancangan akademik yang lebih konsisten dan berkesan.

Ikuti wawancara wartawan **NOR 'ASYIKIN MAT HAYIN** bersama Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) **PROF DR WAN MARZUKI WAN JAAFAR** bagi mengupas isu ini.

Apakah kelebihan memulakan sesi persekolahan pada awal tahun berbanding Mac?

Langkah memulakan sesi persekolahan pada Januari adalah keputusan strategik yang berpandangan jauh.

Ia menyelaraskan sistem pendidikan negara dengan kalendar akademik yang lebih tersusun, sekali gus memudahkan perancangan peperiksaan dan keemasan ke universiti.

Lebih penting, ia membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung secara lebih tersusun, konsisten dan berimpak tinggi sepanjang tahun, tanpa gangguan tempoh peralihan yang panjang.

Daripada sudut penguasaan, sekolah dapat merancang kurikulum, pentaksiran dan kokurikulum dengan lebih sistematik.

Bagi ibu bapa, kestabilan kalendar itu memudahkan perancangan keluarga dan kewangan. Ini adalah langkah yang memperkukuh kecekapan sistem pendidikan negara.

Apakah cabaran terbesar yang dijangka dihadapi sistem pendidikan Malaysia pada 2026?

Cabaran utama ialah memastikan transformasi pendidikan seiring dengan kemajuan teknologi, kesejahteraan pelajar dan tuntutan masa depan pekerjaan.



SEKOLAH dapat merancang kurikulum, pentaksiran dan kokurikulum dengan lebih sistematik.

SISTEM TERSUSUN BILA SEKOLAH MULA **JANUARI**

Perancangan kurikulum, peperiksaan dan kewangan keluarga turut lebih sistematik

Kita sedang berada dalam era kecerdasan buatan, ekonomi digital dan perubahan pantas landskap pekerjaan.

Namun, cabaran ini juga

peluang besar untuk Malaysia melonjak ke hadapan.

Dengan dasar yang jelas, latihan guru yang bertepatan dan sokongan menyeluruh kepada sekolah, sistem pendidikan kita mampu menjadi lebih tangkas, inklusif dan berdaya saing.

Cabaran ini bukan penghalang, sebaliknya pemangkin kepada pembaharuan nasional.

Bagaimana mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih sihat untuk pelajar pada 2026?

Persekitaran pembelajaran yang sihat perlu berteraskan prinsip 'murid sejahtera, guru dihargai, sekolah se-

bagai komuniti pembelajaran'.

Ini boleh direalisasikan melalui kurikulum yang seimbang antara akademik, kemahiran hidup dan pembinaan sahsiah.

Selain itu perlu juga sokongan kesihatan mental yang sistematik di sekolah, budaya sekolah yang selamat, inklusif dan menghargai kepelbagaian, penggunaan teknologi secara bijak, beretika dan berfokuskan pembelajaran bermakna.

Pendekatan ini bukan sahaja melahirkan pelajar yang cemerlang, malah

membina insan yang berdaya tahan, berakhlak dan bersedia memimpin masa depan negara.

Bagaimana sistem pendidikan Malaysia boleh kekal relevan dan berkesan?

Kerajaan telah menunjukkan komitmen yang jelas untuk memastikan sistem pendidikan negara terus relevan, progresif dan berdaya saing di peringkat global.

Antara penambahbaikan penting ialah menyelaraskan kurikulum dengan kemahiran masa depan seperti pemikiran kritis, literasi digital, komunikasi, kepimpinan dan keusahawanan.

Guru perlu diperkasa sebagai pemimpin pembelajaran melalui latihan profesional, sokongan pedagogi dan pengurangan beban pentadbiran.

Selain itu, kita perlu memperluas pentaksiran holistik yang menilai potensi sebenar pelajar, bukan sekadar peperiksaan, serta memperkukuh pendidikan nilai, etika dan jati diri kebangsaan.

Ini akan memastikan pendidikan Malaysia bukan sahaja melahirkan tenaga

kerja berkemahiran, tetapi juga warganegara yang berintegriti, patriotik dan berdaya saing.

Pelan Pembangunan Pendidikan baharu sudah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bagaimana Prof melihat perkara itu?

Saya menyambut baik inisiatif KPM untuk melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan baharu sebagai kompas strategik pendidikan negara. Harapan saya ialah pelan ini dapat menumpukan kepada kualiti pembelajaran dan kesejahteraan murid, menjamin kesaksamaan akses pendidikan di seluruh negara.

Selain itu, ia dapat mengintegrasikan teknologi dan AI secara beretika, bertanggungjawab dan berimpak tinggi serta mengangkat martabat guru sebagai teras pembentukan modal insan.

Saya yakin pelan ini akan menjadi asas kukuh untuk melahirkan generasi Malaysia MADANI, generasi yang berilmu, berakhlak, inovatif, berdaya tahan dan mampu memacu pembangunan negara.



Saya menyambut baik inisiatif KPM untuk melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan baharu sebagai kompas strategik pendidikan negara. Harapan saya ialah pelan ini dapat menumpukan kepada kualiti pembelajaran dan kesejahteraan murid"

Dr Wan Marzuki